

**GARIS PANDUAN PELAJAR**  
**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN SEMASA PANDEMIK COVID 19**  
**FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM**  
**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**  
**SESI I 2020/2021**

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan pelajar bagi pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini diwujudkan sebagai tindak balas kepada **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** kerana Novel Coronavirus (COVID-19) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020.

ia juga tindak balas daripada pekeliling **Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan Pengendalian Aktiviti Akademik Di Kampus Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan** yang memaklumkan bahawa semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga **31 Disember 2020**. Semua aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.

Oleh itu, **Fakulti Pengajian Peradaban Islam**, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) akan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran atas talian bermula pada **sesi I 2020/2021**.

Garis Panduan ini telah diluluskan oleh **Mesyuarat Pengurusan Fakulti, FPPI** pada **5 Jun 2020** dan juga selari dengan **Dasar E-Pembelajaran KUIS** yang telah diluluskan oleh **Mesyuarat Senat KUIS** Bil. 1/2020 pada 8 Mei 2020.

Garis panduan ini adalah **khusus untuk kegunaan pelajar FPPI sahaja** dan merupakan **panduan awal** kepada Dasar Pembelajaran Dalam Talian yang akan dikeluarkan oleh KUIS.

## 2.0 TENTANG GARIS PANDUAN

Garis Panduan merangkumi 4 perkara utama :

- a. Rekabentuk Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian
- b. Penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian
- c. Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian
- d. Tanggungjawab Pelajar

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian merujuk kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berlaku **dalam persekitaran yang berkaitan dengan internet atau menggunakan pelantar (platform) e-pembelajaran**.

### **3.0 GARIS PANDUAN**

#### **3.1 Rekabentuk Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian**

- a. Aktiviti PdP dalam talian boleh dilaksanakan dengan menggunakan **KLMS** sebagai sistem pembelajaran rasmi KUIS atau pilihan lain seperti **Google Classroom, Quizziz, Media Sosial (Facebook dan lain-lain) Powtoon, Kahoot, Padlet** dan lain-lain.
- b. Semua kursus yang terlibat akan menggunakan dua bentuk kaedah PdP dalam talian iaitu **interaksi segerak (synchronous)** dan **tidak segerak (asynchronous)**.  
Namun begitu penentuan kaedah adalah **bergantung kepada perbincangan pensyarah dan pelajar** melibatkan **tahap capaian internet pelajar**.
- c. Sekiranya tahap capaian internet pelajar adalah baik, maka kaedah **interaksi segerak (synchronous)** dan platform seperti **KLMS** dan **Google Classroom** boleh digunakan.
- d. Sekiranya capaian internet pelajar adalah tidak memuaskan, pensyarah boleh menggunakan kaedah **tidak segerak (asynchronous)** dan strategi pengajaran **berTeknologi rendah** seperti menggunakan softcopy atau pdf dan saluran komunikasi WhatsApp atau Telegram.
- e. Bagi matapelajaran melibatkan **hafazan al-Quran**, metode yang sesuai digunakan adalah secara **interaksi segerak (synchronous)** dan masa perlaksanaan adalah **fleksible**. Contoh : bagi matapelajaran hafazan Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, masa yang diperuntukkan adalah setiap hari 8.00-10.00 pagi, namun begitu pensyarah akan menyediakan masa lain yang **fleksible** dengan kemampuan capaian internet pelajar.
- f. Bagi matapelajaran berbentuk lapangan, pihak pensyarah/jabatan terlibat akan melakukan **pengubahsuai yang munasabah** untuk memastikan ia dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.  
Contoh : Matapelajaran **Dakwah dan Pelancongan**, pelajar dikehendaki menyerahkan tugas dalam bentuk video Travelog Dakwah tanpa perlu melibatkan pelajar turun ke lapangan. Oleh itu, pelajar diminta **berkomunikasi secara aktif** dengan pensyarah yang terlibat.
- g. Begitu juga dengan Kertas Projek/Projek Tahun Akhir, pelajar diminta **berkomunikasi secara aktif** dengan **Penyelaras di jabatan masing-masing**.
- h. Latihan Industri pula, bagi pelajar yang sudah mendapat tempat, boleh meneruskan latihan dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh MKN. Sekiranya masih tidak mempunyai tempat, sila **berkomunikasi secara aktif** dengan **Penyelaras di jabatan masing-masing**.

### **3.2 Penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian**

- a. Bentuk penyampaian PdP untuk sesi I 2020/2021 ini adalah secara **100% dalam talian** dan kaedahnya adalah bergantung kepada **tahap capaian internet pelajar**.
- b. Pelajar **mesti memaklumkan kepada pensyarah tahap capaian internet** masing-masing untuk memudahkan pensyarah memilih kaedah yang paling berkesan.
- c. Perlaksanaan PdP dalam talian bagi sesi I 2020/2021 adalah berlangsung sebagaimana **Jadual Waktu Kuliah** yang disediakan oleh BPA.
- d. Pelajar amat digalakkan untuk mengadakan **perbincangan secara aktif** dengan pensyarah sekiranya memerlukan **penjadualan semula** disebabkan masalah-masalah berbangkit, sebarang **clash** dengan kelas-kelas lain **mesti dielakkan**.
- e. Untuk setiap aktiviti PdP, pensyarah akan menyediakan **3 komponen** yang utama :

Bil.	Komponen PdP Dalam Talian	Bentuk Perlaksanaan	Kesetaraan dengan F2F
i.	Kuliah	Pra-rakaman (rakaman awal), video YouTube, pautan ke laman web yang berkaitan dengan topik pembelajaran, dan lain-lain.	Kuliah
ii.	Aktiviti pelajar	minimum 1 aktiviti setiap topik*	Tutorial
iii.	Penilaian	minimum 1 penilaian bagi setiap topik.*	Tutorial

\* bergantung kepada keperluan kursus

#### **3.2.1 Pengajaran dan Pembelajaran Segerak (*Synchronous*)**

- a. Pembelajaran segerak merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam **masa nyata** iaitu kedua-duanya pelajar dan pengajar hadir secara fizikal atau hampir pada masa yang sama, tetapi tidak berada di tempat yang sama.
- b. Strategi boleh merangkumi:
  - i. Mengadakan **kuliah dalam talian secara langsung**; dan / atau
  - ii. Jemput **penceramah tetamu** ke sesi dalam talian.

- c. Alat :
- Pengajaran dapat disampaikan dengan menggunakan **aplikasi media segerak** seperti YouTube Live Stream, Media Sosial (Facebook Live Video, WhatsApp, Telegram, Skype dan lain-lain) Google Meet, Zoom dan lain-lain alat persidangan.
- d. Pelajar digalakkan untuk mengambil bahagian **secara aktif** dalam sesi ini dengan :
- Menulis idea, komen, berkongsi sumber menggunakan kotak sembang;
  - Berkongsi idea dan komen secara lisan; dan / atau
  - Mempersembahkan karya mereka kepada semua orang di kelas menggunakan ciri perkongsian skrin.

### **3.2.2 Pengajaran dan pembelajaran Tidak segerak (Asynchronous)**

- a. Pembelajaran tidak segerak merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran yang berlaku **bukan dalam masa nyata**. Ia boleh berlaku bukan hanya di lokasi yang berbeza, tetapi juga pada masa yang berlainan.
- b. Strategi boleh merangkumi:
- Rakaman awal kuliah
  - Slidecasting iaitu podcast audio yang digabungkan dengan tayangan slaid.

Panduan **tempoh masa** rakaman video/rakaman kuliah/slайд :

Tempoh Kelas	Tempoh Rakaman Video	Tempoh View Pelajar	Jumlah Tempoh Masa PdP Online
1 jam (60 minit)	15 minit	15 minit x 3 kali = 45 minit	45 minit + 15 minit = 60 minit
2 jam (120 minit)	30 minit @ 15 minit x 2 video	30 minit x 3 kali = 90 minit	90 minit + 30 minit = 120 minit
3 jam (180 minit)	45 minit @ 15 minit x 3 video	45 minit x 3 kali = 135 minit	135 minit + 45 minit = 180 minit

- c. Alat :
- Pelbagai alat tersedia seperti Microsoft PowerPoint, Loom screen Recorder, Screencast-o-matic, Adobe Captivate, Camtasia Studio, dan Jing.

### **3.2.3 Merakam/Mencatat Kehadiran Pelajar Dalam Kelas Dalam Talian**

- a. Pelbagai strategi akan digunakan oleh pensyarah termasuk:
- Screen shot pelajar** yang hadir semasa kelas dalam talian (**synchronous**);

- ii. Hitung **bilangan pelajar** yang masuk ke kelas dalam talian (*synchronous*);
  - iii. **Penyerahan** tugas atau latihan sebagai bukti partisipasi kelas dalam talian.
  - iv. Kaedah-kaedah lain yang bersesuaian
- b. Pelajar **mesti memahami kaedah** yang digunakan oleh pensyarah untuk merakam/mencatat kehadiran mereka dalam kelas.
- c. Kaedah yang digunakan oleh pensyarah merupakan **bukti kehadiran** pelajar bagi kursus yang terlibat.

### **3.3 Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian**

- a. Semua penilaian yang dilakukan merangkumi **tugasan, ujian dan peperiksaan akhir** pelajar sepanjang sesi I 2020/2021.
- b. Sebarang bentuk penilaian bagi **peperiksaan akhir** (penilaian sumatif) akan ditentukan oleh KUIS serta akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

#### **3.3.1 Penilaian Berterusan (Penilaian Formatif)**

- a. Penilaian berterusan ini meliputi **ujian, tugasan bertulis, persembahan tugasan** dan lain-lain.
- b. Pelajar hendaklah menyelesaikan ujian/tugasan/aktiviti yang diberikan oleh pensyarah sebagaimana **masa yang telah diperuntukkan**.
- c. Pensyarah akan melakukan penilaian ini **lebih awal** dan **tidak hampir dengan peperiksaan akhir** kerana pelajar mempunyai beban masa tambahan untuk menyempurnakannya.
- d. Pelajar hendaklah **memaklumkan dengan segera** kepada pensyarah sekiranya mempunyai **masalah** dengan bentuk penilaian yang diberikan, terutama melibatkan capaian internet.

#### **3.3.2 Peperiksaan Akhir (Penilaian Sumatif)**

- a. Penilaian sumatif merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk menilai pengetahuan, kemahiran pada **akhir tempoh pengajaran** iaitu akhir semester.

- c. Sebarang bentuk peperiksaan akhir akan ditentukan oleh KUIS serta akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.
- b. Pelajar hendaklah **memaklumkan dengan segera** kepada pensyarah sekiranya mempunyai **masalah** dengan bentuk penilaian yang diberikan, terutama melibatkan capaian internet.

### 3.4 Tanggungjawab Pelajar

- a. Pelajar harus memahami bahawa PdP atas talian ini memerlukan **kerjasama dan usaha yang erat** antara pensyarah dan pelajar, juga antara pelajar dengan pelajar yang lain.  
Contoh : Pelajar yang mempunyai capaian internet yang baik hendaklah prihatin dan membantu pelajar yang tidak mempunyai capaian internet yang kurang memuaskan.  
Contoh : Pelajar hendaklah memberi tumpuan dan serius dengan arahan yang diberikan oleh pensyarah.
- b. Pelajar harus memainkan **peranan, bertindak lebih proaktif** dan **berusaha mencari maklumat** berkaitan kursus serta tidak terlalu bergantung kepada bahan yang dibekalkan oleh tenaga pengajar dalam situasi kritikal ini.  
Contoh : Pelajar yang mengulang bagi matapelajaran tertentu hendaklah memastikan dia hadir ke kelas yang sepatutnya dan pensyarah maklum dengan keberadaannya.
- c. Pelajar harus memberi **maklum balas dengan pantas** apabila diperlukan dan berkomunikasi dengan pensyarah dari masa ke semasa secara aktif.  
Contoh : Sekiranya pensyarah ingin menetapkan masa kuliah yang tidak sama dengan jadual yang ditetapkan, pelajar mesti memberi maklumbalas dengan segera.  
Contoh : Pelajar hendaklah memaklumkan kepada pensyarah sekiranya sudah menghantar tugas/aktiviti serta menyimpan salinan sebagai back-up.
- d. Pelajar harus **segera memaklumkan kepada pensyarah** sekiranya kaedah penilaian boleh **mendatangkan risiko** terhadap keselamatan dan kesihatan pelajar.  
Contoh : Sekiranya pelajar berhadapan dengan risiko kerana terpaksa keluar dari kediaman untuk mendapatkan data atau maklumat tentang tugas/aktiviti yang diberikan.
- e. Pelajar perlu berusaha **mendapatkan maklumat terkini berkaitan kursus dari masa ke semasa** bagi memastikan kelincinan perancangan serta urusan penilaian/peperiksaan akhir.

Contoh : Pensyarah membuat ujian secara atas talian, pelajar perlu mendapatkan maklumat terkini tentang ujian tersebut termasuk tarikh dan bagaimana ia dilaksanakan serta bagaimana markah diambil.

- f. Pelajar mesti **menyimpan bukti** penghantaran tugas dan/atau jawapan penilaian/peperiksaan akhir yang dijalankan.
- g. Pelajar hendaklah memahami bahawa **kehadiran mereka akan direkod dan dicatat** oleh pensyarah mengikut kaedah yang dipilih dan itu merupakan bukti komitmen mereka kepada aktiviti PdP yang dijalankan.
- h. Pelajar mesti menjauhkan diri dari sebarang aktiviti berbentuk penipuan dan peniruan serta plagiat.

#### **4.0 PENUTUP**

Pelajar mesti membaca dan memahami garis panduan yang disediakan ini untuk **memastikan kelancaran PdP atas talian** yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Kefahaman pelajar adalah amat penting untuk memastikan bentuk baru PdP ini dapat dilaksanakan dengan **jaya dan berkesan**.

Disediakan oleh :

Sekretariat E-Pembelajaran  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS

Rujukan :

1. Panduan Ringkas E-pembelajaran dan Pengajaran, USIM
2. Online Teaching And Learning Guideline During Covid-19 Pandemic, Universiti Malaya